

# PATRIOT



BULETIN KEMENTERIAN PERTAHANAN

ISSN No. : 1511-1849 Bil 3/2010

PERCUMA

*Kreatif*



I  
N  
O  
V  
A  
S  
I





PERHIMPUNAN RAKSASA **PBTM 05**



PELANCARAN BUKU DASAR PERTAHANAN NEGARA **08**

# Kandungan

03/2010



HARI ULANGTAHUN ATM KE 77

12 & 13



Hari Inovasi **18**



Catong Royong Perdana 5S Kementerian Pertahanan **22**

DKAT 2010	4
FORUM PUTRJAYA 2010	6
MIDAS	7
BULAN BAHASA KEBANGSAAN 2010	9
KOLOKIUUM PENGURUSAN TATATERTIB PERKHIDMATAN AWAM	10
PEMAKAIAN PANGKAT - MENTERI PENGANGKUTAN - MENTERI BESAR PERAK	11
PERHEBAT MENGORAK LANGKAH	14
PERANAN ATM TERUS DIPERAKUI	15
PENILAIAN SISTEM STAR RATING MINDEF OLEH MAMPU	19
MAJLIS TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT ATM KE-61	20
VOICE OF MINDEF HARUMKAN NAMA KEMENTERIAN PERTAHANAN	21
TREASURE HUNT KAKEP 2010 MENGUJI SEMANGAT SETIA KAWAN	23
REJIMEN KE-11 KOR AMOR DIRAJA DIBERI TARAF OPERASI JADI KEBANGGAAN TENTERA DARAT MALAYSIA	24
PELANCARAN PENUBUHAN KOMPENI ASKAR WATANIAH DI MELAKA	25
TUN IBRAHIM DALAM KENANGAN	26 & 27
SUMBANGAN VETERAN ATM	27
KURSUS PEMANTAPAN PEGAWAI-PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN	28
PERSIDANGAN PENGURUS-PENGURUS SUMBER MANUSIA KEMENTERIAN PERTAHANAN	29
TIM BOLASEPAK ATM 2011	

AMALAN SENYUM DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN SEKTOR AWAM

\*Pemeriksaan etika kerja yang luhur memprotektikan pelanggan



## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

Y.Bhg Datuk Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad  
*Ketua Setiausaha*  
Kementerian Pertahanan Malaysia

### PENASIHAT

Y.Bhg Dato' Haji Ismail bin Ibrahim  
*Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)*  
Kementerian Pertahanan Malaysia

### KETUA PENGARANG

Pauzan Ab. Majid

### EDITOR

Nazrie bin Saini

### WARTAWAN

Mej Zahrullail bin Hidayat  
Mej Setia Perwira bin Mohd Wazir  
Lt Kdr Rahimah bt Taib TLDM  
Mej Marina binti Haron TUDM  
Sjn Razali bin Tasmin

### FOTO

PWII Mohd Shukri bin Malek  
Sjn U Irwan bin Alias  
Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad  
Kpl Shahrulhezar bin Azizan  
LK STN (S) Roselly bin Alli  
Pbt Mohd Nazari bin Ramli  
Pbt Syarianah binti Abdul Karim

### TERBITAN DAN EDARAN

Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pertahanan Malaysia



## DARI MEJA PENGARANG

Sesungguhnya banyak peristiwa penting dan positif di latar Kementerian Pertahanan sepanjang 2010. Antaranya ialah pelancaran Pelan Transformasi MinDef dan pelancaran buku Dasar Pertahanan Negara oleh Menteri Pertahanan. Sementara diperingkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pula ialah pelancaran Sistem Pengurusan Strategik (SPS) ATM oleh Panglima Angkatan Tentera.

Mindef yang begitu komited untuk merialisasikan aspirasi Perdana Menteri bagi memastikan sektor awam negara ini bertaraf dunia turut berjaya melanjutkan tempoh sah Sijil 5S selama 1 tahun lagi iaitu sehingga 9 November 2011 hasil daripada auditan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S keatas bahagian-bahagian awam di Kementerian Pertahanan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Selain itu, komitmen serta amalan bekerja secara berpasukan juga terserlah menerusi kesungguhan dan persediaan rapi yang ditunjukkan sepanjang pengauditan sistem star rating oleh Pasukan Inspektorat Star Rating MAMPU keatas komponen-komponen pengurusan Organisasi, Pengurusan Kewangan, Pengurusan Sumber Manusia, Pengurusan Projek Pembangunan, Pengurusan ICT, Perkhidmatan teras dan Pengurusan Pelanggan.

Namun begitu, setiap warga MinDef perlu menghayati peringatan Ketua Setiausaha Negara agar 'Never should we rest on our laurels and be complacent!' kerana penilaian dilaksanakan bukan sekadar mengejar taraf 5 bintang tetapi bertujuan untuk memastikan budaya kecermelangan agensi-agensi perkhidmatan awam terus dipupuk dan dibaja melalui amalan-amalan pengurusan terbaik. Penarafan 5 bintang juga tidak mewajarkan agensi memperlahankan pacuan kearah transformasi organisasi.

Sejajar dengan itu, setiap jabatan/bahagian di bawah MinDef juga sentiasa berusaha kearah pencapaian pensijilan MS ISO 9001:2008, dimana antara penerima sepanjang 2010 ialah Bahagian Kewangan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Bahagian Perkhidmatan Kesihatan ATM.

Tahun 2010 turut menyaksikan penubuhan *Malaysian Institute of Defence and Security (MIDAS)* cecusan idea daripada Menteri Pertahanan yang bertujuan menjana pemikiran dan perkongsian ilmu berdasarkan penyelidikan dan kajian. Pelancaran MIDAS diadakan bersempena Pameran DSA 2010 yang berjaya menarik penglibatan 700 pempamer dari lebih 40 negara, selain pelancaran *Malaysian Defence Industry Directory* bagi membantu mempromosikan industri pertahanan tempatan. Walaupun baru ditubuhkan, MIDAS telah berjaya mengumpulkan 250 peserta dari 18 buah negara di Forum Putrajaya 2010, persidangan antarabangsa anjuran yang dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri.

Komitmen warga MinDef juga menjangkau kepada aktiviti-aktiviti di luar tugas rasmi yang berjaya membuahkan hasil apabila memenangi tempat ketiga dalam Festival Nasyid Peringkat Kebangsaan menerusi penyertaan Kumpulan 'Voice of MinDef' yang baru ditubuhkan pada 1 Jun 2010. Program lain termasuk Majlis Tilawah dan Tadarus Al-Quran, Majlis Wakaf Al-Quran, Bulan Bahasa Kebangsaan peringkat Kementerian Pertahanan yang mampu mengentengahkan peserta dikalangan kumpulan sokongan dan bukan Melayu untuk sama-sama bertanding dalam pertandingan pidato serta Malam Kebudayaan KAKEP 2010 bagi memupuk semangat cintakan warisan seni budaya dan mencungkil bakat di kalangan kakitangan awam MinDef.

Semoga semangat jitu dan bekerja secara berpasukan yang diamalkan warga MinDef ini akan terus dikekalkan kearah kecermelangan MinDef untuk tahun-tahun seterusnya.

Selamat Tahun Baru 2011.



Artikel : PW 1 Badri Bin Mustapa

Foto : Zainuddin Bin Zainal

# DKAT 2010

(Darjah Kepahlawanan Angkatan Tentera)

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin berkenan mencemar duli menyempurnakan Istiadat Pengurniaan Darjah Kepahlawanan Angkatan Tentera (DKAT) tahun 2010 kepada 282 penerima termasuk Puteri Sultan Kedah dan dua pegawai kanan tentera asing bertempat di Balairong Seri, Istana Negara pada 11 November 2010.

Puteri Sultan Kedah, Brig Jen Dato' Seri Tunku Puteri Intan Safinaz Tuanku Sultan Hj Abdul Halim Mu'adzam Shah



dianugerahkan Pahlawan Angkatan Tentera (PAT) manakala dua pegawai kanan tentera asing iaitu Gen Apichart Penkiti, Setiausaha Tetap Pertahanan di Kementerian Pertahanan Thailand dan Pengarah Direktorat Risikan Bersama, Ibu pejabat Pemerintah Agung, Pasukan Angkatan Tentera DiRaja Thai, Lt Gen Surapong Suwana masing-masing dianugerahkan Panglima Gagah Angkatan Tentera (PGAT) Kehormat dan Panglima Setia Angkatan Tentera (PSAT) Kehormat.

Terdahulu, mendahului senarai penerima ialah Panglima Tentera Darat, Jen Dato' Sri Zulkifeli Mohd Zin yang dianugerahkan darjah Panglima Gagah Angkatan Tentera (PGAT) diikuti empat penerima yang dikurniakan darjah Panglima Setia Angkatan Tentera (PSAT) iaitu Panglima Gerup Artileri Pertahanan Udara (GAPU), Mej Jen Dato' Husin Md Tahak; Panglima 3 Divisyen, Mej Jen Dato' Razali Hj Ahmad; Mej Jen Dato' Paduka Che Hasni Che Ahmad (Bersara) dan Mej Jen Dato' Ir Ibrahim Bahari TUDM.

Seramai 275 penerima yang lain dikurniakan Pahlawan Angkatan Tentera (PAT), PAT (Kehormat), Kesatria Angkatan Tentera (KAT) dan Bentara Angkatan Tentera (BAT) pada acara sambutan sempena Hari Angkatan Tentera Malaysia ke 77 ini. Istiadat pengurniaan DKAT merupakan Kalendar Tahunan ATM diselenggarakan oleh Cawangan Tenaga Kerja, Bahagian Perkhidmatan Anggota, Markas Angkatan Tentera Malaysia, Kementerian Pertahanan yang dipengerusikan oleh Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Anggota (AKSPA), Mej Jen Datuk Abdul Aziz Hj Ibrahim.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr Hj Abdul Latiff Ahmad; Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Dr Hj Ismail Hj Ahmad, Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Jaafar dan Pegawai Kanan ATM.



Artikel : Mej Zaharullah Bin Hidayat

Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad



# PERHIMPUNAN RAKSASA PBTM

Julung kalinya satu perhimpunan besar-besaran telah diadakan di Stadium Putra Bukit Jalil, Kuala Lumpur pada 10 Oktober 2010. Majlis Perhimpunan Raksasa yang bertemakan Menyatu, Mengukuh dan Memperkasa Perjuangan Bekas Tentera Malaysia telah disempurnakan oleh Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Turut hadir Dato' Seri Dr Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri Pertahanan Malaysia, Mej Jen(B) Dato' Seri Hj Jamil Khir bin Baharom Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Hj Abdul Latiff bin Ahmad, Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia, Jen Tan Seri Dato' Sri Azizan bin Ariffin TUDM Panglima Angkatan Tentera dan Panglima-Panglima Perkhidmatan. Majlis telah dikelolakan oleh PBTM yang dipengerusikan oleh Dato' Muhammad bin Hj Abdul Ghani Presiden PBTM serta kerjasama Kementerian Pertahanan Malaysia.

Majlis yang julung kali diadakan ini telah mendapat sambutan diluar dugaan dengan kehadiran lebih 18,000 bekas tentera termasuk dari Sabah dan Sarawak. Dalam ucapannya YAB Perdana Menteri berkata adalah menjadi tanggungjawab semua rakyat negara ini termasuk bekas-bekas tentera untuk memainkan peranan masing-masing bagi menjayakan rancangan kerajaan dalam pembentukan negara maju menjelang 2020 melalui Gagasan 1 Malaysia, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Tambahnya lagi sememangnya perjuangan bekas-bekas tentera dalam membawa keamanan dan kemakmuran negara tidak berakhir setelah mereka bersara. Malah berbekalkan dengan disiplin dan kemahiran yang sedia ada melalui pengalaman dan latihan mereka dapat terus memberi sumbangan walaupun kini dengan pendekatan yang berbeza dan mencabar. Kerajaan akan sentiasa memberi kesejahteraan dan kebajikan bekas-bekas tentera diberi perhatian sejajar dengan perjuangan dan pengorbanan yang telah mereka sumbangkan kepada negara.

Majlis juga dihiasi dengan deklamasi sajak patriotik "Sebutir Bintang Dari Perbatasan" yang disampaikan oleh PW(B) Noordin Mohammad atau lebih dikenali dengan nama Nuri Angkasa. Sebelum itu bacaan ikrar PBTM telah

disampaikan oleh Lt Kol Tajol Ariffin bin Johari (Bersara). Pada penghujung majlis telah diadakan penyerahan Sijil Malaysian Book of Record oleh En Ibrahim Ali Hj Abdul Wahab, Pengarah Urusan LMT Maritime Sdn Bhd kepada YAB Perdana Menteri dan diserahkan kepada YB Menteri Pertahanan Malaysia. Manakala Mr David McKee Wright, CEO & Managing Direktor, SEALEGS International Limited, New Zealand menyampaikan sijil World Record Academy kepada YAB Perdana Menteri untuk diserahkan kepada YB Menteri Pertahanan Malaysia. Kedua-dua sijil diperolehi atas kejayaan pihak ATM yang diwakili oleh Pasukan Elit Gerup Gerak Khas menjelajah Semenanjung Malaysia dengan Bot Amfibia SEALEGS dalam masa 4 hari dari Pangkalan Kubur, Kelantan sehingga Pulau Langkawi, Kedah.





Artikel : Mej Marina Harun TUDM

Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

# FORUM *Putrajaya* 2010

Bertemakan *Emerging Regional Security Architecture*, Institut Pertahanan dan Keselamatan Malaysia (MiDAS) yang bernaung di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia, telah berjaya menganjurkan Forum bertaraf antarabangsa buat kali pertamanya pada 13 hingga 15 Oktober di Hotel Marriott Putrajaya.

Seramai 250 pemimpin tertinggi pertahanan daripada 16 buah negara yang membabitkan anggota ASEAN+8 bagi membincangkan isu-isu pertahanan dan keselamatan rantau ini telah menghadiri forum tersebut.

Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Tun Razak ketika merasmikan forum tersebut telah menekankan enam asas bagi memperkukuh kerjasama ASEAN iaitu kepentingan rakan serantau, tidak kira kaya, miskin, kecil

atau besar di samping tidak meminggirkan pihak berkepentingan tambahan bagi rantau ini terutama dalam suasana persekitaran globalisasi. Kedua, menerima bahawa setiap negara adalah berbeza, samada dari segi sosial atau ekonomi dan harus dibenar menyumbang mengikut batasan kemampuan. Ketiga membina langkah-langkah keyakinan bagi membantu dialog dan persefahaman yang lebih di antara anggota. Keempat, kerangka keselamatan harus merangkumi persefahaman dua hala membabitkan Negara pesisir pantai. Kelima, Hubungan dua hala tidak boleh terhad kepada kunjungan peringkat perntadbiran tertinggi sahaja, sebaliknya membabitkan pegawai peringkat operasi supaya masing-masing saling mengenali dan keenam, semua pihak perlu ada persefahaman bagi menyelesaikan isu melalui dialog atau rundingan.



Artikel & Foto : Kapt Mohd Fauzani bin Md. Yahya



# M i D A S

MALAYSIAN INSTITUTE OF DEFENCE AND SECURITY

*"Merumus Polisi dan Strategi Pertahanan Berkesan"*

Senario masakini yang tidak menentu telah memberi cabaran hebat dalam penggubalan polisi dan strategi pertahanan negara. Isu seperti keganasan, pelarian, konflik persempadanan, perebutan wilayah, pendatang tanpa izin dan globalisasi adalah cabaran yang perlu ditangani dalam mencorak benteng pertahanan negara. Bagi memastikan pendekatan pertahanan masakini tetap relevan dengan senario pertahanan dan keselamatan dunia maka segala tindakan, pendekatan serta polisi yang digubal oleh Kementerian Pertahanan perlu dikaji dan diselidik dengan mendalam bagi memastikan ia berupaya melindungi kepentingan negara.

Menyedari hakikat tersebut, Kementerian Pertahanan telah mengambil keputusan untuk mewujudkan satu institusi profesional yang mampu menjana pemikiran dan perkongsian ilmu berdasarkan penyelidikan dan kajian. Idea penubuhan Malaysian Institute of Defence and Security (MiDAS) ini telah dicetuskan oleh YB Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi. Ia seterusnya dilancarkan di PWTC, Kuala Lumpur pada 21 April 2010 sempena pameran DSA 2010.

Penubuhan MiDAS adalah berkonsepkan kepada institusi profesional yang dianggotai oleh pegawai-pegawai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan pegawai Awam Kementerian Pertahanan. Mereka mempunyai latarbelakang pendidikan akademik sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana dalam pelbagai bidang berkaitan pertahanan dan keselamatan. Mereka digarap bagi mengkaji isu-isu berkaitan pertahanan dan keselamatan yang makin kompleks secara holistik dan menghasilkan cadangan yang dapat membantu dalam merumuskan polisi serta strategi pertahanan negara.

Ketika ini MiDAS diterajui oleh Pengarah Eksekutif, Mejar Jeneral Dato' Pahlawan Dr William R. Stevenson. MiDAS mempunyai 3 komponen utama yang terdiri dari Pusat Penyelidikan Pertahanan dan Keselamatan Komprehensif, Pusat Blue Ocean Strategy dan Jabatan Pengurusan Korporat.

Pusat Penyelidikan Pertahanan dan Keselamatan Komprehensif bertanggungjawab mengkaji isu berkaitan ancaman ketenteraan dan bukan ketenteraan kepada keselamatan negara seterusnya membangunkan opsyen-opsyen polisi serta strategi bagi menangani ancaman tersebut. Ia juga bertanggungjawab membangunkan pangkalan data

berkaitan negara asing terutamanya yang mempunyai kepentingan strategik kepada negara. Pusat Blue Ocean Strategy pula berperanan menjana idea inovatif dengan menyediakan ruang kepada pemikir melaksanakan penyelidikan dan seterusnya mencetuskan idea-idea inovatif di dalam merumuskan strategi dalam usaha memajukan negara khususnya yang mempunyai hubungkait dengan peranan Kementerian Pertahanan.

MiDAS juga bakal bertindak sebagai agensi yang menyelaras dan mengumpul hasil kajian yang dilaksanakan oleh institut-institut penyelidikan serta pusat-pusat pengajian dalam dan luar negara. Selain itu, MiDAS berhasrat untuk menjana pemikiran serta perkongsian maklumat bagi meningkatkan kefahaman dan pengetahuan berkaitan pertahanan dan keselamatan melalui penganjuran seminar dan koferensi serta penerbitan jurnal. Sejak penubuhannya, MiDAS telah menerbitkan 2 edisi jurnal. Selain itu, kejayaan penganjuran PUTRAJAYA FORUM 2010 pada 13 hingga 15 Okt 2010 yang lalu telah berjaya melonjakkan nama MiDAS ke persada antarabangsa. Forum tersebut telah disertai oleh lebih 250 peserta dari negara-negara ASEAN dan sahabat.

Dengan kewujudan MiDAS, peranan Kementerian Pertahanan bagi memastikan kedaulatan pertahanan negara akan menjadi lebih mapan. Penubuhannya amat bermakna bagi mendukung Pelan Transformasi MinDef. Ia merupakan salah satu inisiatif dalam tiang Kelima iaitu Nilai Kreatif dan Inovasi dan ia bukan sahaja dapat meningkatkan kementerian ke taraf dunia, bahkan mendukung inisiatif kepimpinan negara di bawah pimpinan Perdana Menteri untuk melaksanakan Lapan Tonggak Perdana (LTP) dalam membawa Malaysia menjadi negara maju menjelang 2020. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web <http://midas.mod.gov.my>



Mejar Jeneral Dato' Pahlawan  
Dr. William R. Stevenson  
Pengarah Eksekutif MIDAS



Artikel : Mej Zahrullail bin Hidayat

Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

# PELANCARAN BUKU DASAR PERTAHANAN NEGARA

Menteri Pertahanan Malaysia, Dato' Seri Dr Ahmad Zahid bin Hamidi telah melancarkan buku Dasar Pertahanan Negara pada 9 November 2010 di Wisma Pertahanan, MinDef. Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Dr. Haji Ismail Bin Haji Ahmad serta Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Dato' Sri Azizan Ariffin TUDM serta Panglima-Panglima Perkhidmatan.

Perkembangan semasa dirantau ini telah memperlihatkan sejumlah cabaran baru dan ketidakpastian dari sudut ancaman kepada pertahanan negara. Walaupun secara amnya wujud kestabilan politik dan pertumbuhan ekonomi, namun isu-isu semasa khususnya bukan konvensional mulai mewarnai bentuk ancaman kepada pertahanan dan keselamatan negara. Bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang akan menjejaskan kedaulatan, kemerdekaan dan keutuhan Malaysia, maka pembangunan pertahanan yang pesat terutamanya dalam aspek pemodenan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah dilaksanakan.

Selain itu juga peranan yang dimainkan oleh ATM juga telah banyak berubah. Melihatkan perkembangan ini, pihak Kementerian merasakan perlunya Dasar Pertahanan Negara lebih relevan dengan cabaran semasa.

Objektif utama Dasar Pertahanan Negara adalah untuk melindungi dan mempertahankan kepentingan negara yang menjadi teras kepada kedaulatan, keutuhan wilayah dan kesejahteraan ekonomi.

Untuk mencapai tujuan tersebut, keperluan satu strategi komprehensif telah dibentuk sebagai perinsip-prinsip asas pertahanan telah menggariskan enam prinsip asasnya iaitu:

- Berdikari
- Pertahanan Menyeluruh
- Komitmen terhadap Peraturan Pertahanan Negara
- Sokongan Usaha Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Ke Arah Keamanan Sejagat.
- Langkah-Langkah Terhadap Keganasan
- Diplomasi Pertahanan.







Artikel : Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

# Bulan Bahasa Kebangsaan 2010

Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) merupakan salah satu acara tahunan Negara bagi memperkasa bahasa kebangsaan dimana tahun 2010 merupakan tahun ke 12 program diadakan. Bermula dengan Minggu Bahasa Kebangsaan (1960), Bulan bahasa Kebangsaan (1961), Gerakan Cintailah Bahasa Kita (1987), Bulan Bahasa dan Sastera Negara (1999) dan bermula tahun 2009 ditukar semula Bulan Bahasa Kebangsaan.

Kementerian Pertahanan yang melaksanakan program BBK dengan matlamat utamanya untuk memantapkan, memperkukuh dan mempamerkan jati diri dan citra warga kerja Kementerian berteraskan bahasa kebangsaan selain untuk melahirkan generasi masa depan bangsa Malaysia yang berbangga dengan bahasa Kebangsaan

sebagai bahasa pengantar ilmu dan pembinaan tamadun bangsa.

Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan peringkat Kementerian telah disempurnakan oleh Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi pada 29 Oktober 2010 di Kem Permata Resort, Melaka.

Perbagai program telah dilaksanakan oleh Bahagian dan Jabatan dibawah Kementerian Pertahanan untuk menyemarakkan lagi BBK ini. Antaranya ialah pertandingan deklamasi puisi, kursus menulis dan mendeklamasi sajak serta melagukan syair yang disusun

secara menyeluruh, teratur dan berterusan sepanjang tiga bulan terakhir tahun 2010.

Majlis Penutup Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat Kementerian Pertahanan oleh Menteri Pertahanan diadakan pada 2 Dis 2010 dengan acara kemuncaknya pertandingan Pidato khusus bagi kumpulan sokongan 1 dan II. Johan Pidato, Syed Khairul Hakim bin Syed Hasan menerima piala pusingan sumbangan YB Menteri Pertahanan, wang tunai, buku-buku sumbangan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), plaque dan sijil penyertaan, naib johan disandang PW I Alex s/o Tawithoo dari Markas Tentera Darat dan tempat ketiga milik Laskar kelas I PNK Lee Wee Yen dari Markas Tentera Laut. Masing-masing menerima hadiah wang tunai, buku-buku sumbangan DBP, plaque dan sijil penyertaan.



Sambutan BBK di Peringkat Kementerian yang dilangsungkan telah melibatkan seluruh lapisan warga Kementerian dari perbagai kaum dengan kerjasama yang padu dari DBP.



*Artikel : Mej Zahrullail bin Hidayat*

*Foto : Kpl Shahrulezar bin Azizan*

usaha ini tidak akan berakhir begitu sahaja. Perlu ada resolusinya, penggerakannya, pelaksanaannya dan paling utama keberhasilannya.

Datuk Dr Hj Ismail bin Hj Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan dalam ucapan penutupnya pada 24 September 2010 berharap agar jaringan perhubungan yang wujud di kalangan urusetia Lembaga Tataretib akan membantu ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan untuk memberikan tauladan kepada seluruh warga Perkhidmatan Awam katanya dalam ucapan penutup Kolokium Pengurusan Tatatertib Perkhidmatan Awam.



Kementerian Pertahanan Malaysia telah diberi kepercayaan untuk menganjurkan Kolokium Pengurusan Tatatertib Perkhidmatan Awam peringkat Kebangsaan pada 23 hingga 24 September 2010 di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur. Antara objektif Kolokium anjuran bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) adalah untuk berkongsi maklumat dan pengalaman berkenaan pengurusan tatatertib di Kementerian dan Jabatan, selain mencetuskan ide - ide baru dalam menangani kes-kes tatatertib pegawai awam serta dapat membina jaringan perhubungan di kalangan Urusetia Tatatertib.

Perasmian Kolokium telah disempurnakan oleh Dato' Khalil bin Ahmad, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan). Turut hadir YBhg Datuk Dr Hj Ismail bin Hj Ahmad Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Lamien bin Sawiyo Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam serta Pegawai - pegawai Kanan Awam dan 103 peserta dari 28 Kementerian, termasuk SPA dan JPA hadir pada Kolokium ini.

Dalam ucapan perasmianya, Dato' Khalil Ahmad berkata bilangan penjawat awam adalah sebanyak 1.2 juta orang berbanding populasi penduduk 27 juta orang. Tetapi bukan angka yang dikejar, tetapi kualitinya sebagaimana seorang cendekiawan pernah berkata, kekuatan sesebuah Negara tidak bergantung kepada banyaknya jumlah rakyat, tetapi kualiti yang ada pada rakyat tersebut. Tetapi persoalannya, bagaimana mendapatkan modal insan yang berkualiti. Harapan beliau agar Kolokium ini akan menjadi satu pemangkin perubahan dalam perkhidmatan awam dan



## KOLOKIU PENGURUSAN TATATERTIB PERKHIDMATAN AWAM



# PEMAKAIAN PANGKAT

## YB MENTERI PERTAHANAN MENYEMPURNAKAN PEMAKAIAN PANGKAT KEPTEN (KEHORMAT) PSSTLDM KEPADA YB MENTERI PENGANGKUTAN

Menteri Pengangkutan YB Dato' Sri Khong Cho Ha telah dianugerahkan pangkat Kepten (Kehormat) PSSTLDM TLDM yang berkuatkuasa 1 September 2009. Satu

upacara pemakaian telah diadakan sempena Perbarisan Bulanan Kementerian Pertahanan pada 6 Julai 2010 di Padang Kawad KEMENTAH, Kementerian Pertahanan.

## ANUGERAH PANGKAT LAKSAMANA PERTAMA (KEHORMAT) KEPADA YAB MENTERI BESAR PERAK

Menteri Besar Perak Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir dianugerahkan Pangkat Laksamana Pertama (Kehormat) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) oleh Menteri

Pertahanan Dato' Seri Dr Ahmad Zahid bin Hamid di Wisma Pertahanan pada 3 Nov 2010.



Artikel : PW 1 Badri Bin Mustapa

Foto : Sjn Saiful Hakimi Bin Zainon (Ptd)

# HARI ULANGTAHUN ATM KE-77

Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Sri Azizan Ariffin TUDM berkata kesepaduan dan kesepakatan yang mapan antara ketiga-tiga cabang perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan agensi keselamatan yang lain dapat menangani pelbagai ancaman dan isu keselamatan dengan cara profesional, berkesan dan berhemah.

Katanya melalui kerjasama erat itu keselamatan persempadanan negara berada pada situasi aman dan terkawal. Kesinambungannya, usaha dan petunjuk yang konsisten telah meneguhkan keyakinan pentadbir negara, rakyat jelata, serta rakan global bahawa Malaysia mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi dari segi keutuhan kekuatan dan integriti pertahanan.

"Sejajar dengan matlamat tersebut, ATM hendaklah terus mampu memberi keyakinan kepada semua pihak bahawa keselamatan dan kedaulatan negara sentiasa terjamin. Suka saya tekankan di sini bahawa matlamat ini adalah bertepatan dengan idealism Gagasan 1Malaysia yang merupakan resipi utama ke arah memupuk perpaduan, kestabilan dan kemakmuran negara," katanya.

Beliau berkata demikian berucap di perbarisan sempena Hari Ulang Tahun ATM ke 77 bertempat di Kem Perdana Sg. Besi di pada 6 Oktober. Perbarisan yang sepatutnya diadakan pada 16 September 2010 telah dilewatkan bagi memberi laluan kepada sambutan Hari Malaysia yang disambut pada tarikh yang sama.



Agenda transformasi yang dimaksudkan adalah mencakupi tujuh perkara sepertimana yang telah digariskan seperti Memperkasa Kebersamaan Angkatan, Membangun Angkatan Bersepadu, kepimpinan Berkualiti, Memartabatkan Pengurusan Aset dan Budaya Senggaraan, Menjunjung Nilai Teras, Peningkatan Kualiti Hidup dan Penampilan Imej Terpuji.



Panglima Angkatan Tentera turut merakamkan setinggi penghargaan kepada Kerajaan Malaysia dibawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta pimpinan tertinggi Kementerian Pertahanan khasnya dan ATM amnya atas kepercayaan serta sokongan padu yang diberikan kepada ATM selama ini bersama-sama mengekalkan momentum kesepakatan serta dedikasi demi memartabatkan agenda Transformasi ATM kearah memenuhi aspirasi Gagasan 1Malaysia dan 1ATM.

Katanya lagi, bagi mengekalkan tahap komitmen yang tinggi demi memelihara keyakinan kerajaan dan rakyat, agenda Transformasi Angkatan telah direncana menerusi Pelan Dimensi Keempat ATM yang juga dikenali sebagai Fourth Dimension Malaysian Armed Forces (4D MAF) yang perlu digerakkan oleh semua peringkat pengurusan.

Pada majlis itu seramai enam anggota tentera menerima Pingat Perkhidmatan Setia (PPS) manakala tujuh kakitangan awam Kementerian Pertahanan menerima Sijil Kepujian Ketua Perkhidmatan.



Artikel : Pw 1 Badri Bin Mustapa Foto : Sjn Saiful Hakimi Bin Zainon (Prtd)



Enam anggota tentera yang menerima PPS ialah PW II Azri Mamat, Staf Sarjan Juhaimi Abdul Rahim (Markas Medan Tentera Darat), Bintara Kanan (TNL) Siti Hajar Aziz, Bintara Muda (TMK) Hashim @ Hasri Ramli (Markas Tentera Laut) dan PW Udara II Mohd Radzi Sadiron (No 10 Skuadron Pangkalan Udara KL) dan PW Udara II Azrul Hisham Abdul Rahman (Pusat Latihan Pengurusan dan Pentadbiran Pangkalan Udara Subang).

Manakala tujuh orang penerima Sijil Kepujian Ketua Perkhidmatan ialah En Tajul Ariffin Hood dan En Nordin Mustafa (Markas Tentera Darat), Pn Noorisah Makhzan dan Pn Rosminah Md. Nor (Markas Tentera Laut), Pn Sarata ap Arumugam (Markas Tentera Udara) dan Pn Mariah Ab Karriam (Markas Angkatan Bersama).

Perbarisan terdiri daripada 26 pegawai dan 774 anggota lain-lain pangkat merangkumi ketiga-tiga cabang perkhidmatan darat, laut dan udara diketuai Komander Rosli Mukri TLDM. Perbarisan dibahagikan kepada dua kontinjen di mana kontinjen pertama terdiri dari detasmen Tentera Darat diketuai Mej Nor Ishak Ismail, detasmen TLDM diketuai Leftenan Komander Mohamad Habib Abdullah

TLDM, detasmen TUDM diketuai Mej Mohd Fuad Saad Koslan TUDM manakala detasmen gabungan wanita ATM diketuai Leftenan Komander Syanur Widayu Mohamad Shah TLDM.

Kontinjen kedua terdiri detasmen kedua TDM diketuai Mej Samsul Mohd Arshad, detasmen kedua TLDM diketuai Lt Kdr Mohd Fadzil Mohd Razali TLDM dan detasmen kedua TUDM diketuai Mej Mohd Nazri Mustaffa TUDM.

Pancaragam yang mengiringi perbarisan adalah pancaragam gabungan ATM diketuai Lt Shahrudin Shaari TLDM dan Jawatankuasa pengelola perbarisan HUT ATM ke 77 ialah Markas Tentera Laut.



Hadir sama pada majlis itu ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Dr. Haji Ismail Hj Ahmad; Panglima Tentera Darat, Jen Datuk Zulkifeli Mohd Zin; Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Dato' Sri Abdu Aziz Hj Jaafar; Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Dato' Sri Rodzali Daud TUDM, pegawai-pegawai kanan ATM, Pegawai Kedutaan Pertahanan Negara Asing (Defence Attache) serta anggota-anggota ATM.





Artikel : Lt Kdr Rahimah bte Taib TLDM

Foto : Megat Mohd Frdaus bin Megat Ahmad

# PERHEBAT mengorak langkah

Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) berjaya mengorak langkah ke hadapan apabila diiktiraf sebagai sebuah Kolej berteraskan kemahiran di bawah JPK. Satu Memorandum Persefahaman (MoU) antara Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) dan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah ditandatangani pada 23 Ogos 2010 bertempat di Bilik Teratai, MinDef. PERHEBAT diwakili Pengerusinya, Laksamana Tan Sri Dato' Seri Ilyas Hj Din (B) manakala JKM diwakili oleh Datuk Dr. S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia dengan disaksikan oleh Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

MoU ini dilihat sebagai kerjasama di antara kedua-dua pihak bagi merealisasikan tranformasi pembangunan dan pengiktirafan modal insan anggota Angkatan Tentera Malaysia. Melalui Pelan Tranformasi Pembangunan dan Pengiktirafan Modal Insan anggota ATM, setiap anggota ATM akan dipersijilkan dengan SKM sekurang-kurangnya Tahap 3 yang diiktiraf sebagai pekerja mahir semasa di dalam perkhidmatan selaras dengan wawasan ATM iaitu Satu Anggota Satu Kemahiran. Sebagai lanjutan mereka akan memperolehi SKM Tahap 4 dan 5 semasa menjalani latihan peralihan. MoU ini juga mampu menjadi pemangkin kepada PERHEBAT dalam usaha menjadi sebuah Kolej Universiti menjelang tahun 2015. Menteri Sumber Manusia dalam ucapannya menekankan hasrat Malaysia untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020, keperluan tenaga kerja terlatih dan berkemahiran tinggi di dalam pelbagai bidang pekerjaan dan latihan kemahiran dilihat sebagai satu elemen yang amat penting dalam memenuhi tuntutan itu. Menteri Pertahanan turut berharap melalui MoU ini,



PERHEBAT mampu mengembeling kepakaran dan pengiktirafan modal insan ATM semasa di dalam perkhidmatan dan dilaksanakan dengan penuh komited dan konsisten. Pendekatan secara menyeluruh ini mampu mewujudkan tenaga kerja dari kalangan bakal dan pesara tentera lebih berdaya saing.

Selaras dengan MoU ini, secara tidak langsung PERHEBAT yang telah berpengalaman selama 40 tahun dalam pengurusan latihan akan diperakukan sebagai satu Agensi Berpusat Pentauliahan bagi menguruskan persijilan kemahiran Modal Insan ATM.

Semoga usaha ini akan berjaya menghasilkan impak yang besar dalam usaha mempertabatkan Latihan Kemahiran di negara ini terutama bagi pesara tentera.





Artikel : Lt Kdr Rahimah bte Taib TLDM

Foto : IKSTN (SIR) Rosaly bin Ali



dihantar ke ME 6 nanti akan dapat menjalankan tugas dengan sebaiknya sehingga akhir penugasan.

Atas kepercayaan terhadap kemampuan Angkatan Tentera Malaysia, kekuatan MALCON East 6 (ME 6) telah dipertingkatkan semula kepada kekuatan asal seperti di awal penubuhannya iaitu seramai 360 orang. Malah tanggungjawab ME 6 turut akan diperluaskan kepada 14 km persegi berbanding 8 km persegi sahaja sebelum ini. Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan bin Ariffin TUDM yang mewakili Menteri Pertahanan dalam ucapannya di majlis Penghantaran Kumpulan Induk Pasukan ME 6 berbesar hati dengan kepercayaan yang diberikan yang merupakan satu pengiktirafan terhadap kecemerlangan siri-siri MALCON yang sebelum ini.

PAT juga menerima mandat ini dengan penuh kesyukuran dan terharu di samping berharap agar semua anggota yang akan dihantar ke ME 6 nanti akan dapat menjalankan tugas dengan sebaiknya sehingga akhir penugasan.

# PERANAN ATM

# TERUS DIPERAKUI

Atas kepercayaan terhadap kemampuan Angkatan Tentera Malaysia, kekuatan MALCON East 6 (ME 6) telah dipertingkatkan semula kepada kekuatan asal seperti di awal penubuhannya iaitu seramai 360 orang. Malah tanggungjawab ME 6 turut akan diperluaskan kepada 14 km persegi berbanding 8 km persegi sahaja sebelum ini. Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan bin Ariffin TUDM yang mewakili Menteri Pertahanan dalam ucapannya di majlis Penghantaran Kumpulan Induk Pasukan ME 6 berbesar hati dengan kepercayaan yang diberikan yang merupakan satu pengiktirafan terhadap kecemerlangan siri-siri MALCON yang sebelum ini.

PAT juga menerima mandat ini dengan penuh kesyukuran dan terharu di samping berharap agar semua anggota yang akan





SELAMAT DATANG  
KE  
KEMENTERIAN PERTAHANAN







# MINDEF

*Berwajah Baru*





Artikel : Ivy Mitchell ak Menjis

Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

Majlis Sambutan Hari Inovasi bagi tahun 2010 telah di rasmiakan oleh Menteri Pertahanan Dato' Seri Dr Ahmad Zahid bin Hamidi pada 14 Disember 2010 bertempat di Auditorium Wisma Pertahanan.

Dalam ucapan perasmian, Dato' Seri Dr Ahmad bin Hamidi menyeru semua warga MinDef agar menerapkan budaya Inovasi di dalam etika kerja selaras dengan tema Hari Inovasi iaitu 'Transformasi Melalui Inovasi'.

Beliau juga menegaskan bahawa kita harus berfikir di luar kotak untuk meningkatkan pencapaian diri di dalam etika kerja kerana jika sesuatu kerja tidak di jalankan dengan baik maka ianya tidak dikira sebagai suatu inovasi untuk mencapai kejayaan. Terdapat pelbagai aspek dan budaya kerja awam yang perlu di pertingkatkan melalui inovasi, justeru ia dapat memperbaiki budaya saing antara satu sama lain.

Dato' Seri Dr. Ahmad zahid Bin Hamidi menjelaskan bahawa ianya adalah satu perjalanan ke arah kecemerlangan dan perjalanan ini perlu selaras dengan persekitaran minda yang berkualiti yang akan memberi impak positif kepada Kementerian Pertahanan. Namun budaya inovasi iaitu budaya kerja yang berkualiti setaraf lima bintang boleh di rosakkan sekiranya ada yang tidak memberikan kerja yang berkualiti. Tidak ada kejayaan yang boleh di capai dengan cara pintas. Semuanya memerlukan usaha dan keikhlasan di dalam melakukan pekerjaan. Persekitaran kerja juga harus ada budaya saing yang sihat dan ikhlas agar segala kerja dapat di jalankan dengan mudah.

KATEGORI	PEMENANG
Pengurusan Kewangan	Bahagian Kewangan
Pengurusan Sumber Manusia	Cawangan Psikologi Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Pengurusan Pengurusan Projek	Bahagian Rancangan Projek Bunga Mas 5 ( Rancang dan Operasi Markas TLDM)
Pengurusan Maklumat	Institut Teknologi Aerospace (ITAS) Kolej Tentera Udara ( Pengajaran Pembantuan Komputer PBK)
Pengurusan Pelanggan	KD MALAYA Emergency Water Supply Valve (E-WASSUP)



# Hari Inovasi

Artikel : Mejar Setia Perwira bin Mohd Wazir

Foto : Kpl Shahrulhezar bin Azizan

# PENILAIAN SISTEM STAR RATING MINDEF OLEH MAMPU

Pada 3 hingga 5 Ogos 2010 Tim Penilaian MAMPU telah melakukan kunjungan ke MinDef bagi melaksanakan proses Penilaian Sistem Star Rating. Penarafan Lima Bintang adalah menjadi sasaran menerusi markah yang diperolehi melalui penilaian tiga kategori iaitu Pengurusan, Perkhidmatan Teras dan Pengurusan Pelanggan. Pecahan markah dan penarafan bintang adalah seperti berikut:

90% - 100%	☆☆☆☆☆	PRESTASI CEMERLANG
80% - 89.9%	☆☆☆☆	
70% - 79.9%	☆☆☆	
60% - 69.9%	☆☆	
50% - 59.9%	☆	
≤49.9%	Tiada Bintang	PRESTASI LEMAH

Dari segi persiapan dan proses penilaian tersebut MinDef secara umumnya telah memenuhi keperluan kriteria oleh MAMPU dimana hasil daripada tiga hari penilaian dan maklumbalas awal oleh tim penilai, MinDef telah mempamerkan dan melaksanakan penambahbaikan dalam semua kategori yang dinilai berbanding dengan penilaian sebelum ini, sekaligus memberi keyakinan kepada MinDef kali ini untuk mencapai penarafan LIMA BINTANG.





Artikel : Mej Zahrullail bin Hidayat

Foto : BM PNK Md Nasir Mohamed TLDM

**MAJLIS**

# Tilawah Al-Quran

## PERINGKAT ATM KE-61

Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat ATM ke -61 telah diadakan di Auditorium MinDef pada 7 Oktober 2010 bersamaan 28 Syawal 1431 Hijrah. Majlis yang bertemakan Memantap Ukhwah Memperkasa Ummah kelolaan Jabatanarah KAGAT telah disempurnakan oleh Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Dato' Sri Azizan bin Ariffin TUDM. Turut hadir Panglima-Panglima Perkhidmatan , pegawai-pegawai kanan ATM dan warga ATM MinDef.

Tujuan utama Majlis Tilawah Al-Quran adalah untuk mendekatkan diri dengan Al-Quran sebagai kalamullah dan mengambil pengajaran serta menghayatinya demi kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Seramai 9 peserta yang mewakili ketiga-tiga Perkhidmatan Darat, Laut dan Udara telah mengambil bahagian untuk mewakili kategori Qari , Qariah dan Pegawai.



Kategori Pegawai	Johan N/Johan Ketiga	Lt Dya Shamran bin Rami TLDM, Kapt Azzun Rahman bin Abdul Azz TUDM, Kapt Salha Shakila bte Alang Hashim TDM.
Kategori Qari	Johan N/Johan Ketiga	BM TME (P) Mohd Hafizan bin Mohamad TLDM, SSJn Hj Mohd Nor bin Ahmad TDM, LUK Megat Ismeshami bin Megat Ismara TUDM.
Kategori Qariah	Johan N/Johan Ketiga	Puan Norhashimah bte Marzuki TDM, Puan Rozishan bte Fazali TLDM, Nor Shahidah bte Ismail TUDM.



Artikel : Mej Zahrullail bin Hidayat

Foto : Ehsan Bahagian Pengurusan Maklumat

# Voice Of Mindes

## HARUMKAN NAMA KEMENTERIAN PERTAHANAN

Kumpulan Nasyid yang baru ditubuhkan pada 1 Jun 2010 telah mengharumkan nama Kementerian Pertahanan sebaik saja diumumkan pemenang tempat ketiga dalam Festival Nasyid Peringkat Kebangsaan pada Oktober yang lalu. Siapa sangka cetusan idea mantan Ketua Setiausaha, Dato' Sri Abu

Bakar bin Abdullah yang juga Presiden Kelab Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan (KAKEP) telah membuahkan kejayaan. Penubuhan Kumpulan Nasyid *Voice of MinDef* bertujuan mewakili Kementerian Pertahanan ke Festival Nasyid antara Kementerian bagi tahun 1431/ 2010M yang telah diadakan pada 14 Oktober 2010 di Auditorium Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.

Kumpulan *Voice of MinDef* di anggotai 8 ahli KAKEP dan di bimbing oleh Puan Sabariah Abdullah Sani dari Markas Tentera Darat - Cawangan Operasi latihan dan Saudara Amran Mohamad dari Bahagian Pentadbiran. Dengan Lagu Islam Is Great, Kumpulan telah memenangi tempat ketiga daripada 20 kumpulan nasyid yang bertanding dari pelbagai Kementerian dan Jabatan.

Sebagai menghargai pencapaian serta tanda penghargaan, satu upacara Penyampaian Sijil Penghargaan daripada Senator Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Haji Baharom, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri telah disampaikan oleh Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi Menteri Pertahanan Malaysia pada Perhimpunan Bulanan MinDef pada 9 November 2010 di Dataran MinDef, Wisma Pertahanan.



*Artikel : Nazrie bin Saini**Foto : Mega Mohd Farhan Bin Muzat Ahmad*

# Gotong Royong Perdana 5S Kementerian Pertahanan

Majlis Pelancaran Gotong Royong Perdana 5S telah diadakan pada 6 Oktober 2010 sebagai persediaan warga MinDef ke arah pengauditan semula dari pihak MPC. MinDef telah memperoleh sijil 5S pada bulan November 2009 dan perlu diperbaharui pada November 2011. Gotong royong perdana 5S yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Promosi 5S telah dirasmikan oleh Dato' Hj Ismail bin Ibrahim, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) bertempat di Bilik Taratai, Wisma Pertahanan. Antara aktiviti

yang dilakukan pembersihan besar-besaran yang melibatkan semua bahagian di dalam MinDef. Hasil kerja keras dan semangat kekitaan warga MinDef terbalas apabila dengan rasminya pada 1 November 2010 yang lalu, sekali lagi MinDef berjaya memperbaharui sijil Amalan Persekitaran 5S untuk tempoh satu tahun lagi. Diharap dengan pembaharuan sijil ini akan dapat, meningkatkan lagi tahap kesedaran kita berkaitan kekemasan dan kebersihan tempat bekerja yang selesa serta indah.





Artikel : Hazlina Bte Shariif

Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

# TREASURE HUNT KAKEP 2010 MENGUJI SEMANGAT SETIA KAWAN

Pertandingan *Treasure Hunt* anjuran KAKEP 2010 bermula dari Bangunan Mindef 2 Kuala Lumpur hingga kem PLKN Permata Alor Gajah dilaksanakan pada 18 dan 19 Disember 2010 dengan penyertaan 25 kenderaan melibatkan 96 peserta.

Pertandingan telah dirasmikan oleh Timbalan Presiden KAKEP merangkap Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pertahanan, Dato' Haji Ismail bin Ibrahim pada jam 8.15 pagi.

Terdapat 6 *checkpoint* yang perlu dilalui dan 8 cabaran yang perlu diselesaikan oleh para peserta sepanjang perjalanan tersebut. Selain kemahiran menjawab setiap soalan, para peserta didedahkan dengan semangat kerja berkumpulan, setia kawan di samping mengutamakan aspek keselamatan jalan raya.

Majlis makan malam dan penyampaian hadiah telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Haji Ismail bin Ibrahim kepada para pemenang. Senarai pemenang adalah seperti berikut:



Kategori	Kumpulan	Peserta
Johan	011	CHAN AH LOU NOOR AZALINDA AHMAD AZZUL MOHAMED SABRI ANUL ASHRAF OTHMAN
Naib johan	004	MOHD ASWAD BIN ABD RAZAK MOHD AKMAL BIN NASLAN NOR AZILA BT ABU BAKAR ROHAIDAH BT MAT SARIP
Ketiga	003	NURISMA BT ALIAS SUHAZLIZA MOHAMED SAMSUDIN SH. NORAFAZLIYANA BT SY. AB RAHMAN JUHAIRA BT JUSOH
Keempat	001	NABYHA MOHAMAD ZUL FAZLY BORHAN
Kelima	017	MEGAT MOHD. FIRDAUS BIN MEGAT AHMAD RAZALI BIN TASMİN IRWAN BIN ALIAS MOHAMAD ZAIDI BIN AHMAD



Artikel : Mej Zahrullail bin Hidayat

Foto : LK STN (S) Roselly bin Ali

Satu lagi sejarah di lakar oleh Angkatan Tentera Malaysia apabila Tentera Darat Malaysia khasnya apabila Rejimen Ke 11 Kor Armor Diraja yang dilengkapi dengan aset Kereta Kebal PENDEKAR yang menjadi kebanggaan khasnya Kor Armor Diraja (KAD) diberi taraf pengoperasiannya. Satu Perbarisan yang penuh bersejarah telah diadakan di padang Kawad, 11 KAD, Kem Syed Sirajuddin, Gemas, Negeri Sembilan pada 1 September 2010. Perbarisan bersempena dengan Hari Ulang Tahun Kor Armor Diraja ke - 58 telah disempurnakan Jen Datuk Zulkifeli bin Mohd Zain Panglima Tentera Darat. Turut hadir ialah Lt Jen Dato' Pahlawan Hj Zulkifli bin Hj Zainal Abidin Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Sri Ahmad Hasbullah bin Mohd Nawawi Panglima Medan Tentera Darat dan Pengarah Kor Armor Diraja Brig Jen Dato' Adnan Abu Bakar. Seramai hampir 1000 orang tetamu jemputan termasuk pesara-pesara Kor Armor Diraja dan pegawai kanan TD turut menyaksikan perbarisan.

Perbarisan Pengisytiharan Status Pengoperasian Rejimen Ke-11 Kor Armor Diraja telah disertai seramai 21 pegawai dan 370 anggota lain-lain pangkat yang di ketuai oleh Pegawai Memerintah 11 KAD Lt Kol Abdullah Ali. Perbarisan melibatkan 44 aset strategik TD turut diiringi kereta perisai berbagai varian termasuk ADNAN ACV (Armoured Command Vehicle), ADNAN AMB (Ambulan), PENDEKAR AVLB (Armoured Vehicle Lanching Bridge) dan PENDEKAR ARV(Armoured Recovery Vehicle).

Panglima Tentera Darat, Jen Datuk Zukifeli Mohd Zain dalam ucapannya berkata dengan pengoperasian sepenuhnya itu, Rejimen Ke 11 Kor Armor Diraja sudah bersedia menggerakkan seluruh aset persenjataan berat PENDEKAR miliknya bagi tujuan operasi pada bila-bila masa. Status operasi sepenuhnya bermakna segala aspek termasuk sistem, kelengkapan, kemahiran, latihan dan kecekapan berada ditahap terbaik dan sudah bersedia di gerakkan untuk sebarang keadaan jika memerlukan.

## Rejimen Ke-11 Kor Armor Diraja Diberi Taraf Operasi Jadi Kebanggaan Tentera Darat Malaysia





Artikel : Lt Kdr Rahimah Bte Taib TLDM

Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

# PELANCARAN PENUBUHAN KOMPENI ASKAR WATANIAH DI MELAKA



Pelancaran penubuhan Kompeni Askar Wataniah bagi Kawasan Parlimen Negeri Melaka yang melibatkan kawasan-kawasan Bukit Katil, Masjid Tanah, Tangga Batu dan Jasin telah disempurnakan oleh Panglima Tentera Darat, Jeneral Datuk Zulkifeli bin Mohd Zin di Dataran Pahlawan, Melaka pada 16 Oktober 2010.

Dalam ucapan perasmian, PTD mengucapkan tahniah dan berbangga dengan anak watan Melaka yang ingin turut sama sebagai pelapis barisan kedua untuk bersama mendukung misi pertahanan negara dari sebarang bentuk ancaman. Justeru, beliau berhadap agar mereka yang menyertai Askar Wataniah mampu meniup semangat sebuah generasi baru untuk mencurahkan khidmat murni kepada negara di samping menyumbang khidmat bakti untuk agama, bangsa dan negara demi mempertahankan maruah dan kedaulatan negara Malaysia.

Angkatan Tentera Malaysia turut mensasarkan dua Askar Wataniah bagi setiap anggota tetap menjelang tahun 2020 untuk tujuan pertahanan dan keselamatan negara.

Di majlis pelancaran tersebut, seramai 400 Askar Wataniah baru dari 4 kawasan Parlimen terlibat dalam perbarisan yang diketuai oleh Lt Kol Fadzilah Omar Baki. Selain perbarisan, persembahan Kawat Senyap, pertunjukan Tempur Tanpa Senjata dan persembahan Anjing Perang dari Pusat Latihan Tentera Darat (PULADA) turut diadakan.

Selain itu, Program Hari Bersama Pelanggan Kementerian Pertahanan yang melibatkan pasukan Tentera Darat Malaysia, Bahagian Pasukan Simpanan, Cawangan Tenaga Kerja, Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera, Jabatan Hal Ehwal Veteran dan Jabatan Latihan Khidmat Negara turut diadakan. Agensi lain yang turut menjayakan pameran ini ialah Koperasi Tentera, Jabatan Bomba dan Polis.





Artikel : Sjn Razali bin Tasmin Foto : Sel Rujukan & Pengerbitan

# Tun Ibrahim

## dalam kenangan....

Tanggal 23 Disember 2010, negara amnya dan Angkatan Tentera Malaysia khasnya telah kehilangan seorang pejuang Melayu, iaitu Jeneral Tun Ibrahim bin Ismail, bekas Ketua Turus Angkatan Tentera (kini Panglima Angkatan Tentera) Ketiga yang telah kembali ke rahmatullah di Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan dalam usia 88 tahun. Allahyarham telah dikebumikan di Makam Pahlawan dengan penuh istiadat ketenteraan.

Mengimbu sejarah awal penglibatan dalam ATM, Allahyarham Tun memulakan karier tenteranya dalam tahun 1941 bersama Mantan Perdana Menteri, Tun



Hussien Onn apabila kedua-duanya menyertai Johore Military Forces. Mereka kemudiannya dihantar ke Akademi Tentera India di Dehra Dnn untuk menjalani latihan kadet pada pertengahan tahun yang sama. Anak sulung kepada Ismail bin Abu Bakar, Allahyarham Tun dilahirkan di kampung Air Molek, Johor pada 19 Oktober 1922 dan mendapat pendidikan awal di English College Johor Bahru.

Bagaimanapun latihan kadet tersebut terpaksa disingkatkan kerana tercetusnya peperangan, dan mereka telah ditauliahkan sebagai Leftenan Muda pada 22 Februari 1942. Allahyarham Tun seterusnya berkhidmat di 10 dan 25 Rejimen Hyderabad ke-19 sebelum berpindah ke Pasukan 136 dimana beliau dinaikkan pangkat Leftenan sebenar dan ke pangkat Pemangku Kapten pada 13 Mac 1943.

Ketika menghadiri Kursus Perisikan Force 136 di Trincomalee, Ceylon (Sri Langka), beliau menyertai gerakan kapal selam antara Ceylon dan Malaya menentang Jepun pada tahun 1944, selain mengetuai sekumpulan kecil tentera bagi menubuhkan pasukan pejuang tempatan. Walaupun tertangkap, beliau berjaya melepaskan diri dan memasuki semula



pasukan yang sama di Pahang dan diberikan tugas sebagai Pegawai Perhubungan Pasukan 136.

Pada 14 Disember 1958 Allahyarham telah dinaikkan pangkat Leftenan Kolonel dan memegang jawatan Pegawai Memerintah Batalion ke 6 Rejimen Askar Melayu Diraja sehingga 14 Jun 1960. Beliau merupakan salah seorang dari tiga anak tempatan yang menjuat pangkat Leftenan Kolonel dan seterusnya kepada Kolonel pada 1 Jun 1960 dan ke Pangkat Brigadier Jeneral setahun kemudian.

Semasa Zaman Konfrantasi, Allahyarham telah ditugaskan sebagai Pemerintah Briged kelima Infantri Malaysia, yang kemudiannya bertanggungjawab menubuh dan menjadi Panglima Markas Darat Malaysia Timur yang sekarang dikenali sebagai Markas Divisyen Pertama Infantri Malaysia merangkap Pengarah Gerakan Malaysia Timur (Sabah dan

Sarawak). Ketika Darurat, Allahyarham telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Gerakan Negara (MEGERAN) bersama dengan Tun Abdul Razak bin Hussain selaku Pengarah.

Pada 1 Julai 1970, Allahyarham Jen (B) Tan Sri Dato' Haji Ibrahim dilantik menjadi Ketua Turus Angkatan Tentera (Panglima Angkatan Tentera) sehinggalah persaraannya pada 30 November 1977. Beliau merupakan Jeneral yang paling lama memegang jawatan tertinggi itu dalam sejarah Angkatan Tentera Malaysia.

Sesungguhnya segala jasa dan pengorbanan Allahyarham amat besar kepada negara. Dari ALLAH kita di jadikan, Kepada ALLAH kita dikembalikan.

Semoga Allahyarham dicucuri Rahmat dan ditempatkan bersama-sama orang yang Solleh.....Al-Fatihah.



2.2 "Gardians of Calcutta", dari kiri ke kanan: Ibrahim bin Ismail, Hussein bin Omar, Ungku Abdul Sir, AB, Rahman

Mej Jen Dato' Zulkiflee bin Mazlan, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) telah menyampaikan peralatan pesakit beserta kos peralatan berjumlah RM5,850.00 kepada anak Veteran ATM di rumah kediaman Veteran ATM di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur.

Anak kepada Encik Ghazali bin Yahya, Veteran ATM, Muhammad Fitri bin Ghazali 11 tahun, menghidap masalah struktur tulang kaki yang bengkok telah menjalani pembedahan pembedahan kaki memerlukan peralatan 'standing frame' dan kerusi roda khas untuk rawatan fisioterapi.

Artikel & Foto : Mohd Yusrizal Bin Ab. Razak



*Sumbangan*

**VETERAN ATM**



Artikel : Pauzan Ab. Majid Foto : PW1 Badri Bin Mustapa

# KURSUS PEMANTAPAN PEGAWAI-PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN



Seramai 45 Pegawai-Pegawai Khidmat Pelanggan (PKP) MinDef menghadiri Kursus Pemantapan PKP pada 30 dan 31 Oktober 2010 di Hotel Ancasa, Kuala Lumpur. Kursus dianjurkan Unit Komunikasi Korporat (UKK) bagi memantapkan peranan dan tugas PKP yang sebelum ini diletakkan dibawah Bahagian Pentadbiran. Selain itu ianya juga bertujuan meningkatkan motivasi dan kawalan emosi PKP ketika berhadapan dengan pelanggan-pelanggan MinDef, selaras dengan salah satu daripada enam nilai teras MinDef iaitu 'Utamakan Pelanggan'

Kursus sehari yang dibahagikan kepada dua kumpulan dikendalikan sepenuhnya oleh Datuk Atikah Adom, Penasihat Korporat, World Communications Network Resources Sdn. Bhd. Selain mendedahkan peserta dengan kemahiran berkomunikasi secara berkesan semasa berurusan dengan pelanggan-pelanggan MinDef,

ia juga berusaha mempertingkatkan keyakinan dan keterampilan diri PKP ketika bertugas dan menghadiri acara-acara rasmi.

Selain itu, pegawai-pegawai dari Cawangan Psikologi dan Kaunseling Tentera Darat Malaysia, iaitu Mejar Zainuddin Che Am dan Mejar Kamarulzaman Ab Aziz turut dijemput untuk memberi ceramah mengenai 'Motivasi: Pengurusan Emosi & Kaunseling'.

Secara keseluruhan, peserta amat berpuashati dengan pengendalian dan perjalanan kursus yang sedikit sebanyak dapat membantu mereka dalam tugas seharian ketika berurusan dengan pelanggan MinDef samada di kaunter-kaunter khidmat pelanggan atau di ibusawat telefon.



Artikel : Pauzan Ab. Majid Foto : Sel Rujukan & Penerbitan

# Persidangan Pengurus-pengurus Sumber Manusia Kementerian Pertahanan

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian Pertahanan (MinDef) telah menganjurkan Persidangan Pengurus-Pengurus Sumber Manusia, MinDef pada 12 Oktober 2010 di Hotel Flamingo, Kuala Lumpur. Persidangan dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Bahagian Perkhidmatan BPSM, Puan Liza Bakar.

Antara objektif persidangan ialah untuk menyampaikan mandat/harapan pengurusan tertinggi Kementerian mengenai Pengurusan Sumber Manusia, selain membincangkan mengenai isu-isu penting serta mendapatkan maklumbalas terkini daripada Pengurus-Pengurus Sumber Manusia berhubung Pengurusan Sumber Manusia untuk dikongsi, serta diselesaikan secara kolektif.

Selain itu, peserta yang merupakan wakil-wakil Bahagian/Jabatan juga dimaklumkan mengenai pekeliling/peraturan terkini berhubung Pengurusan Sumber Manusia menerusi pembentangan-pembentangan mengenai Panduan Membuat Penilaian Prestasi oleh Cawangan Naik Pangkat dan Tataterbit, Pelaksanaan HRMIS di Sektor ATM dan



Pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6/2010 oleh Cawangan Khidmat Awam. Turut memberi taklimat ialah Cawangan Pengurusan Psikologi mengenai Perkhidmatan e-Psikologi MinDef.

Persidangan berakhir dengan penerangan oleh Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Dato' Abdullah Kassim mengenai Pelan Strategik MinDef serta peranan Pengurus-Pengurus Sumber Manusia Kementerian Pertahanan untuk menjayakannya.





*Artikel : Mej Zahrullail bin Hidayat*

*Foto : Sjn Suryazu bin Mohamad (PR TD)*

Satu Majlis Ramah Mesra telah diadakan bersama Presiden Persatuan Bolasepak Angkatan Tentera (PBAT), Jen Dato' Seri Zukifeli bin Mohd Zin, Panglima Tentera Darat dengan staf dan pemain-pemain bolasepak ATM musim 2011. Dalam ucapannya beliau berharap semua pemain-pemain yang baru menandatangani kontrak pada hujung tahun lepas supaya memberi persembahan yang terbaik serta berlatih dengan bersungguh-sungguh sekali gus menunaikan hasrat YB Menteri Pertahanan untuk menjuarai salah satu piala yang dipertandingkan oleh Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM).

Turut hadir pada majlis anjuran Persatuan Bolasepak Angkatan Tentera termasuk Mej Jen Dato' Abdul Rahim bin Hj Mohd Yusof, Panglima Latihan Tentera Darat merangkap Timbalan Presiden Persatuan Bolasepak Angkatan Tentera, Mej Jen Dato' Zukifli bin Hj Kasim, Panglima 4 Divisyen merangkap Pengerusi Bolasepak Perkhidmatan Tentera Darat, wakil-wakil Pengerusi Bolasepak Perkhidmatan Laut dan Udara bersama staf termasuk 27 pemain kontrak dan anggota tetap ATM. Para pemain rata-rata berpendapat majlis telah berjaya menyuntik semangat dan azam untuk pemain memberi persembahan yang terbaik sekali gus memenuhi moto bolasepak ATM musim 2011 iaitu Untuk Menang Setiap Perlawanan.



**Tim Bolasepak ATM 2011**  
**“MENANG SETIAP PERLAWANAN”**

Artikel : Mej Zahrullail bin Hidayat Foto : LK STN (5) Roselly bin Alli

Kejohanan Bolasepak Piala Wira Malindo telah diilhamkan oleh Panglima Angkatan Tentera pada ketika itu Jen Tan Sri Dato' Ghazali Mohd Seth (Bersara) dan Allahyarham Jen Tan Sri Benny Meordani menerusi rundingan yang telah diadakan pada tahun 1985. Tujuan asal kejohanan ini diwujudkan selain mengeratkan silaturahim antara kedua-dua pihak, ianya juga diadakan sebagai salah satu acara sambutan Hari Ulang Tahun tentera di negara masing-masing. Kejohanan ini mula diperkenalkan pada tahun 1985, ianya dilaksanakan secara timbal balik (home & away) dimana menerusi format perlawanan pertama tempat sendiri dan perlawanan kedua di tempat lawan. Di kejohanan pertama pembukaan di adakan di Kuala Lumpur sementara perlawanan kedua di Indonesia tetapi pada tahun 1986 rundingan mengubah format ini diadakan. Kedua-dua pihak bersetuju untuk ianya dijalankan di satu Negara dengan 2 kali luntuk menjimatkan masa, tenaga dan kos perbelanjaan. Format mula dilaksanakan pada tahun 1987 hinggalah sekarang.

Kejohanan pada kali ini diseliakan sepenuhnya oleh Persatuan Bolasepak Angkatan Tentera (PBAT). Kali ini ATM telah memilih lokasi perlawanan untuk Homeground

pasukan pelawat di Stadium Mini, Pangkalan Udara Subang, TUDM Subang, sementara Stadium MinDef merupakan Homeground untuk pasukan ATM merupakan lokasi untuk Perlawanan penentuan.

Pada Kejohanan bagi merebut Piala Wira Malindo edisi ke - 26 Tahun 2010 perlawanan pertama yang diadakan pada 7 Disember 2010 di Stadium Mini, Pangkalan Udara Subang berkesudahan seri 1-1 manakala perlawanan penentuan pada 9 Disember 2010 di Stadium MinDef juga berkesudahan seri 0-0 dan penentuan juara ditentukan melalui sepakan penalti yang berkesudahan pasukan TNI mengalahkan ATM dengan aggregate 4-3. Upacara penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Lt Jen Dato' Raja Affendi bin Raja Mohamed Noor, Ketua Staf MK ATM merangkap Pengerusi Jawatan Kuasa Kerja Majlis Sukan AT. Turut hadir menyaksikan perlawanan akhir Timbalan Presiden PBAT Mej Jen Dato' Abdul Rahim bin Hj Mohd Yusof, Yang Terhormat Kol TNI Asep Minardja Ketua Deligasi TNI serta Pengurus pasukan Kol TNI Iman Suraso serta para penyokong ATM seramai lebih seribu penonton telah membanjiri Stadium Mindef.

# Piala Wira Malindo Ke-26 Milik TNI





**PATRIOT**

